

**Wanita Perlis Ikrar Sokong Shahrizat
Bernama
25 Sept, 2013**

KANGAR, 25 Sept (Bernama) -- Wanita Umno Perlis berikrar memberi sokongan padu kepada Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil bagi mengekalkan kedudukan beliau sebagai Ketua pergerakan itu di peringkat kebangsaan pada pemilihan parti bulan depan.

Ketua Wanita Umno Perlis Rela Ahmad berkata ketiga-tiga bahagian Kangar, Arau dan Padang Besar sepakat untuk memberi sokongan itu kepada Shahrizat kerana yakin dengan kepimpinan beliau.

Bercakap kepada Bernama di pejabatnya Rabu, Rela berkata setakat ini, Shahrizat menunjukkan kepimpinan yang berkesan dan perlu terus diberi mandat.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Perlis itu juga yakin perwakilan Wanita di negeri ini akan senada menyokong Shahrizat.

Mengulas kedudukan beliau selaku Ketua Wanita Umno Bahagian Kangar yang dicabar bekas Setiausahanya, Marzita Mansor, yang juga bekas Ketua Puteri Umno Perlis, Rela berharap segalanya akan berjalan dengan baik tanpa sebarang kempen yang menyentuh isu peribadi.

Rela berkata keputusan mempertahankan jawatan itu adalah bagi membolehkan beliau terus memberi sumbangan kepada golongan wanita yang banyak menyokongnya sehingga memenangi Pilihan Raya Umum ke-13 bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Bintong dan dilantik menjadi anggota Exco kerajaan negeri.

"Jika terus diberi mandat (sebagai Ketua Wanita Umno bahagian Kangar pada pemilihan Oktober ini), mungkin ini penggal terakhir untuk saya memegang jawatan Ketua Wanita Umno," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=980607>